

# PNB bina rumah mampu milik



Tan Sri Abdul Wahid Omar,  
Pengerusi Kumpulan PNB

→ 1,560 kediaman bertanah bawah RM200,000 seunit

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Mahanum Abdul Aziz  
bbbiz@bh.com.my

**P**ermodalan Nasional Bhd (PNB) bercadang membangunkan sehingga 1,560 unit rumah mampu milik di Banting, Selangor, yang mana akan dijual di bawah harga RM200,000 seunit.

Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Abdul Wahid Omar, ber-

*Berita Harian / 14.9.17 / Pg.21*

kata rumah mampu milik itu akan dibina di tanah miliknya, iaitu di kawasan seluas 142.73 hektar di Sungai Sedu, Banting.

#### Sejajar mandat PM

Abdul Wahid berkata, usaha itu sejajar dengan mandat yang diterimanya daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika beliau dilantik menerajui PNB pada 1 Ogos tahun lalu.

Katanya, beliau diberikan tiga mandat, iaitu mempertingkatkan prestasi PNB dan kumpulan syarikat di bawah PNB; mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat dan perniagaan, termasuk dari segi meningkatkan modal insan; serta membantu meningkatkan tawaran rumah mampu milik.

"Apa yang hendak ditekankan, ini (pembinaan rumah mampu milik) bukanlah bermakna PNB mengambil alih peranan agensi lain. Tujuan kita adalah sebagai pelengkap atau

#### Fakta nombor

5,000

UNIT

rumah mampu milik disasar dibina sebelum 2022

50,000

PELABUR

dengan pelaburan RM150 juta dibuat secara dalam talian

membantu rakyat.

"Oleh itu, pengkhususan ini adalah kepada rumah mampu milik atas tanah," katanya dalam satu temu bual bersama media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

#### Untung margin kecil

Pembangunan projek berkenaan akan menggunakan dana PNB sebagai pinjaman jangka pendek dan hasil daripada penjualan kediaman berkenaan akan kembali kepada pengurus dana berkenaan.

Abdul Wahid menjelaskan PNB mengambil pendekatan itu bukan untuk rugi, tetapi tetap untung dalam margin yang kecil bagi memastikan projek itu mapan.

Beliau berkata, margin untung yang disasarkan lebih rendah, iaitu sekitar 5 peratus berbanding 20 peratus yang lazimnya dinikmati pemaju hartanah komersial lain.

→ Lihat Ms.22

## → BISNES

### Guna sistem IBS kurangkan kos pembinaan

← Dari Ms.21

PNB juga bercadang menggunakan sistem binaan berindustri (IBS) dalam pembangunan rumah mampu milik itu, katanya.

"Kami membangunkan rumah mampu milik ini di tanah milik PNB yang mana dari segi kos ia agak rendah. Malah, penggunaan IBS juga membolehkan pembinaan dilaksanakan dengan lebih murah," katanya.

Abdul Wahid berkata, rancangan membangunkan rumah mampu milik itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) PNB.

Beliau berkata, pihaknya bercadang untuk membangunkan 5,000 rumah mampu milik sebelum menjelang 2022.

Usaha membangunkan rumah mampu milik itu juga adalah berasingan daripada rumah mampu milik yang dibangunkan oleh syarikat hartanah di bawah kumpulan PNB seperti Sime Darby Property Bhd, SP Setia Bhd dan I&P Group Sdn Bhd, jelasnya.

Dalam perkembangan lain, bagi memudahkan pelabur dananya, Abdul Wahid berkata, portal myasnb.com.my yang akan dilancarkan dengan rasmi pada bulan ini.

Setakat ini, katanya, kira-kira 50,000 pelabur dengan pelaburan berjumlah RM150 juta dibuat secara dalam talian.

Beliau berkata, ia satu perkembangan yang baik dan pihaknya bersedia untuk melancarkan secara komersial.

# PNB cadang kurangkan pegangan aset tunai

## → Imbangan semula mampu wujud dana RM13 bilion

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Mahanum Abdul Aziz  
bhbiz@bh.com.my

**P**ermodalan Nasional Bhd (PNB) bercadang mengurangkan pegangan aset tunainya kepada 15 peratus daripada keseluruhan dananya berbanding 20 peratus sebelum ini.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata berdasarkan penilaian terhadap peruntukan aset pelaburan, pihaknya mendapati peruntukan 20 peratus tunai dalam instrumen pasaran wang

pada waktu ini, boleh kira tinggi.

Dengan mengimbang semula asetnya, pengurus dana pelaburan terbesar di Malaysia itu akan mempunyai dana RM13 bilion untuk dilaburkan dalam pelaburan swasta, hartanah, sekuriti pendapatan tetap dan syarikat persendirian berikutan langkah mengurangkan peruntukan aset tunainya.

"Ini adalah sebahagian daripada strategi peruntukan aset kami yang mana kami fikir boleh mengurangkan komponen tunai," katanya dalam satu temu bual bersama media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

### Usaha jana pulangan mapan

Abdul Wahid berkata, sekiranya PNB melabur dalam tunai dan instrumen pasaran wang, pulangan yang diperoleh adalah di bawah 4 peratus.

Beliau berkata, jika melabur dalam sekuriti pendapatan tetap dalam suatu tempoh

kematangan, pulangannya adalah lebih 5.5 peratus.

"Sebenarnya, ia adalah mengenai peruntukan aset yang tepat dalam usaha menjana pulangan yang mapan," katanya.

Mengenai syarikat tidak disenarai yang berpotensi untuk dilabur, Abdul Wahid berkata, sektor yang dilihat mempunyai prospek yang cerah seperti teknologi, penjagaan kesihatan, logistik dan barangan pengguna.

Beliau berkata, syarikat yang mempunyai pengurusan dan tadbir urus yang baik juga menjadi perhatian syarikat pelaburan itu.

Dalam usaha memantapkan prestasi syarikat pelaburan, Abdul Wahid berkata, PNB bercadang untuk menempatkan wakilnya dalam syarikat teras yang mana ia mempunyai kepentingan ekuiti 15 peratus atau lebih.

Beliau berkata, pihaknya

juga sedang membangunkan model untuk meningkatkan prestasi syarikat teras yang mencatatkan jumlah pulangan pemegang saham (TSR) yang lebih rendah daripada pasaran.

### Lima pelajar tajaan

Sementara itu, dalam perkembangan lain, inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA) memperlihatkan lima pelajar tajaan PNB mendapat keputusan terbaik di dunia dan Malaysia dalam peperiksaan pada Jun 2017.

Bagi Peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), seorang pelajar, Jazlan Azman menduduki tempat kelapan di dunia dan tempat pertama di Malaysia bagi Subjek F5 Pengurusan Prestasi.

Sementara Peperiksaan Perisian Akauntan Teknikal (CAT) pula, empat pelajar menduduki tempat pertama di dunia dan Malaysia bagi Subjek Pengurusan Perakaunan 1.

Berita Harian / 4.9.17 /  
Ms 22